

20/05/2002

PM arah parti komponen BN `serang' pembangkang

Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal

SHAH ALAM, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) mengambil pendekatan menyerang dan tidak boleh lagi berdiam diri dalam usaha melawan parti pembangkang.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, berkata parti-parti lawan melakukan banyak kesalahan yang perlu didedahkan sepanjang masa supaya rakyat tahu tembelang sebenar pembangkang.

"Percubaan parti-parti lawan untuk meniru pendekatan BN jelas tidak berjaya. Ini kerana barang tiruan tetap tidak berkualiti. Tidak ada kejujuran dalam pakatan jahat mereka," katanya.

Sehubungan itu, beliau juga menasihatkan 13 parti komponen supaya menjauhkan diri daripada perbuatan atau tindakan yang boleh merosakkan parti mereka dan melemahkan gabungan BN.

"Parti-parti komponen hendaklah terus memantapkan kedudukan masing-masing dan saling bekerjasama demi BN," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung MIC di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Upacara perasmian itu juga dihadiri sebahagian besar pucuk pimpinan parti komponen BN.

Dr Mahathir berkata masalah dalaman parti BN tidak perlu diperbesar-besarkan sehingga diketahui pihak musuh dan menjadi buah mulut orang ramai yang sudah tentu mempunyai pendirian negatif terhadap BN.

"Lebih buruk lagi apabila pihak yang bersengketa menggunakan akhbar untuk mendedahkan keburukan masing-masing sehingga parti kelihatan buruk dan busuk di mata orang ramai," katanya.

Perdana Menteri berkata keadaan sedemikian sudah tentu menjejaskan kedudukan, kewibawaan dan maruah BN.

Katanya, urusan dalaman parti komponen BN adalah tanggungjawab parti masing-masing tetapi atas kesedaran bahawa kelemahan sesuatu parti komponen boleh merosakkan BN, pucuk pimpinan negara terpaksa menegur dan memberi nasihat kepada parti yang bermasalah.

"Kadang-kadang jika diminta, saya sanggup memberi pandangan dan nasihat sama ada pandangan dan nasihat ini diterima atau tidak adalah hak masing-masing parti. Ini adalah cara kita dalam BN dan ia memberi kekuatan kepada pakatan kita," katanya.

Katanya, masalah dalaman parti komponen BN, sama ada yang remeh mahupun yang besar dan serius, haruslah diselesaikan dengan sikap tolak ansur di semua lapisan dan pucuk pimpinan parti.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa walaupun BN mengamalkan demokrasi, sikap suka merebut jawatan tinggi dalam parti setiap kali ada pertandingan atau pada masa lain, hanya merosakkan parti berkenaan.

"Lebih buruk lagi keadaannya jika pertandingan merebut kedudukan tinggi dalam parti adalah kerana ketamakan kuasa, dendam, kebencian, hasad dengki, ketaksuban pada seseorang, sikap oportunis, mementingkan diri sendiri dan politik wang," katanya.

Perdana Menteri berkata perkara sebegini sudah pun berlaku ke atas beberapa parti komponen BN termasuk Umno dengan mereka yang tewas keluar parti dan menubuhkan parti sendiri dengan memburuk-burukkan parti asal dan menentang BN pada setiap kali pilihan raya.

"Mereka bukan berjuang untuk menjayakan parti dan matlamatnya, tetapi semata-mata kerana kepentingan diri," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata beliau belum

lagi memikirkan cadangan untuk menangguhkan pemilihan Umno yang dijadualkan tahun depan.

Sebelum ini, Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membayangkan kemungkinan pemilihan itu ditangguhkan bagi memberi tumpuan kepada pilihan raya umum akan datang.

Pemilihan Umno pernah ditangguhkan pada 1999 kepada tahun 2000 berikutan pilihan raya umum yang diadakan pada November 1999.

Mengenai kenyataan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bahawa BN mempunyai peluang cerah untuk memenangi pilihan raya umum akan datang kerana sokongan kepada parti pembangkang merosot, Dr Mahathir berkata Keadilan tidak mempunyai matlamat sebenar.

"Mereka sebenarnya dipanggil Keadilan kerana memperjuangkan untuk satu orang saja. Mereka anggap perjuangan untuk satu orang, lama kelamaan, orang pun tak minat," katanya.

Mengenai tempoh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia sebagai senator yang tamat hari ini selepas dua penggal, Perdana Menteri berkata beliau belum memikirkan untuk mencari penggantinya dalam Kabinet.

Ditanya mengenai rundingan pakej isu-isu dua hala Malaysia-Singapura yang dijadual diadakan di ibu negara 1 Julai ini, beliau berkata ia cuma perkara biasa "dan kita akan bagi tahu (pendirian pada Singapura)...kita tak buat rundingan melalui akhbar."

Dr Mahathir juga berkata tindakan polis mengerah orang ramai membayar saman bertujuan mengurangkan kemalangan di jalan raya seperti memandu terlalu laju.

(END)